



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**  
AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE



## Lampiran Agenda 8.0 PELUANG PENAMBAHBAIKAN

**LAPORAN OLEH PENGARAH PUSAT JAMINAN KUALITI  
(WAKIL PENGURUSAN ISO UPM)**

Penambahbaikan berterusan  
dilaksana berdasarkan  
**keperluan Standard** Sistem  
Pengurusan Kualiti (QMS)  
**ISO 9001:2015**  
**klausa 10.3** dan perlu  
dilaporkan dalam MKSP bagi  
mematuhi **Klausa 9.3**.

## 10.3 Penambahbaikan berterusan

Organisasi hendaklah secara berterusan menambah baik kesesuaian, kecukupan dan keberkesanan sistem pengurusan kualiti.

Organisasi hendaklah mengambil kira keputusan analisis dan penilaian, dan output daripada kajian semula pengurusan, bagi menentukan jika terdapat keperluan atau peluang yang sepatutnya ditangani sebagai sebahagian daripada penambahbaikan berterusan.



| Bil | Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI)   | Pelaksanaan Tindakan  | Cadangan Tarikh Pelaksanaan | Catatan  |
|-----|---|---|-----------------------------|--|
| 1.  | <p>Merintis kaedah pengkomersilan inovatif melalui penubuhan Hab Validasi Pasaran (InnoHub)</p> <p><b>[Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)]</b></p> | <p>Telah dilaksanakan.</p> <p>53 syarikat start up UPM berjaya ditubuhkan dan menjadi pemangkin kepada kewujudan ekosistem lengkap yang menyokong proses pemindahan teknologi UPM</p> | Sepanjang tahun             | Sejak penubuhan InnoHub pada 2013, inisiatif ini berjaya memperolehi dana pelaburan lebih RM9.6 juta, menjana pendapatan kepada UPM sebanyak RM860 ribu hasil bayaran pelesenan oleh 15 syarikat start-up, dan berjaya melahirkan 65 usahawan teknologi serta membuka peluang pekerjaan baharu kepada masyarakat |

| Bil | Keterangan<br>Peluang<br>Penambahbaikan<br>(OFI)   | Pelaksanaan Tindakan  | Cadangan<br>Tarikh<br>Pelaksanaan | Catatan   |
|-----|--|---|-----------------------------------|---|
| 2.  | <p>Meningkatkan peluang pendanaan penyelidikan poltri di UPM</p> <p><b>[Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)]</b></p> | <p>Kerjasama dengan Malayan Flour Mills Berhad (MFM) bermula awal tahun 2018 bagi bidang pengurusan poltri yang merangkumi:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penajaan sepenuhnya pelajar Sains Haiwan ke Arkansas University, Amerika Syarikat selama setahun.</li> <li>2. Menawarkan pekerjaan kepada pelajar yang berjaya selepas tamat pengajian di Arkansas University.</li> <li>3. Menawarkan peluang latihan industri di ladang poltri.</li> </ol> | Sedang dilaksanakan               | Endowmen dalam bentuk saham sebanyak tiga juta unit (bernilai RM lima juta) telah disediakan oleh MFM dan sedang menunggu kelulusan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di mana dividen yang diperolehi akan digunakan sebagai sumber peruntukan penyelidikan dalam memantapkan penyelidikan poltri di UPM. |